

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah SPRM menyiasat mana-mana pemimpin UMNO yang disabitkan bersalah oleh Badan Disiplin UMNO terlibat dengan politik wang; dan
- (b) jika tidak ada, adakah politik wang tidak termasuk dalam definisi rasuah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a) SPRM akan menyiasat mana-mana pemimpin UMNO atau pemimpin dari parti-parti politik yang lain sekiranya terlibat dalam kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Namun sekiranya mereka melakukan kesalahan yang melanggar Kod Etika Parti, maka tindakan akan diambil oleh Badan Disiplin parti berkenaan.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada definisi politik wang secara khusus dalam Akta SPRM 2009. Politik wang adalah termasuk dalam takrifan suapan di bawah seksyen 3 Akta SPRM 2009

Sekian, terima kasih